

**SULIT**

---



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JMK421 – Kesusasteraan Dan Cereka Sains**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

**SULIT**

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Berikan pengertian tentang:
  - (a). (i). Sastera dan kesusasteraan.  
(ii). Sains, fiksyen dan cereka sains.
  - (b). Bina pengertian anda sendiri berkaitan kesusasteraan dan cereka sains.

(25 markah)
  
2. Menurut Suvin, 'fiksyen sains tercipta daripada pemerhatian empirikal penulis, lalu pemerhatian ini diolah menjadi sebuah kerangka yang imaginatif tetapi terjaga walaupun terasing dengan realiti dunia sekarang'.  
  
Aplikasikan penjelasan konsep Suvin ke atas filem *Jurassic Park*, (1993), arahan Steven Spielberg, atau *Dresanala II: Baladewa-X*, karya Nizam Zakaria.  
  

(25 markah)
  
3. Dengan merujuk mana-mana teks dalam kursus ini, huraikan bahawa bidang kesusasteraan tidak jumud dan bidang sains boleh menjadikan bidang sastera sebagai medium untuk menyampaikan informasi.  
  

(25 markah)

4. Berdasarkan filem *Terminator* (1984), arahan James Cameron terangkan impak kemajuan sains terhadap kehidupan secara tidak langsung.

(25 markah)

5. Robert Scholes menyatakan bahawa 'fiksyen sains ialah sebuah 'dongengisasi' (*fabulation*) yang tidak bersambung dengan realiti tetapi mempunyai sambungan kognitif (proses pemahaman) terhadap realiti'

Berdasarkan contoh-contoh yang konkrit daripada *Manikam Kalbu* karya Faizal Tehrani atau *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadli Al-Akiti, jelaskan pandangan tokoh di atas.

(25 markah)

6. Huraikan tentang TIGA (3) daripada yang berikut:

- (a). Tema-tema utama dalam *Jurassic Park*.
- (b). Watak dan perwatakan *Terminator* dalam *The Terminator*.
- (c). Proses pengklonan DNA dalam *Leksikon Ledang*.
- (d). Latar dalam *Dresanala II: Baladewa-X*.
- (e). Peranan *Manikam Kalbu*.

(25 markah)